BH ONLINE

MSM cadang eksport Gula Super ke negara jiran

Oleh Asila Jalil - Disember 6, 2023 @ 4:04pm
bhbiz@bh.com.my

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malaysia Holdings Berhad (MSM), Syed Feizal Syed Mohammad (tengah) bergambar selepas pelancaran rasmi produk terbaharunya Gula Super di AEON BiG Wangsa Maju hari ini.

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) bercadang mengeksport produk terbaharu dalam barisan produk Gula Prai iaitu gula putih premium Gula Super ke negara jiran tahun hadapan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata MSM menyasarkan Singapura buat masa ini berikutan jarak antara kilangnya di Johor dan negara itu.

"Akan melihat ke arah membawa keluar Gula Super ke pasaran eksport dan kemungkinan besar ia akan berada di sekitar negara jiran.

"Kami menyasarkan Singapura kerana Gula Super banyak dihasilkan di Johor. Berada di Johor, kami mempunyai semua pengeluaran dan infrastruktur untuk dapat dipasarkan ke Singapura.

"Kami menyasarkan untuk menembusi negara jiran sekurang-kurangnya tahun depan," katanya kepada pemberita pada pelancaran Gula Prai di sini hari ini.

Syed Feizal berkata, MSM kini mengeksport gulanya ke 17 negara terutamanya di Asia Pasifik, Pakistan dan Asia Barat.

Jumlah itu dijangka meningkat kepada 10,000 tan sebulan tahun depan berbanding jumlah semasa antara 5,000 dan 6,000 tan.

"Keluk pertumbuhan bagi pengeluaran agak sihat dengan ia meningkat daripada 1,000 tan pada Mei kepada antara 5,000 dan 6,000 tan sebulan pada masa ini.

"Kami percaya dengan lebih banyak strategi pemasaran, kami akan capainya (10,000 tan) menjelang tahun depan tetapi saya tidak pasti dalam tempoh separuh pertama atau kedua tahun," katanya.

Gula Super tersedia untuk dijual di seluruh negara sejak Mei pada harga runcit yang disyorkan RM4.60 untuk pek satu kilogram.

Mengenai industri secara keseluruhan, Syed Feizal berkata, kerajaan perlu menangani kebimbangan mengenai harga siling gula terutamanya di tengah-tengah kenaikan kos lain dan tekanan inflasi.

"Apabila kami mengeluarkan satu kilogram gula kasar kami terdapat marjin negatif dan kerajaan memahami industri tidak boleh memanjangkan atau lebih tepat menghadapi isu ini. Ia perlu ditangani. Kami percaya kerajaan akan menangani isu ini tidak lama lagi.

"Kami telah berhubung dengan kerajaan dalam tempoh 29 bulan yang lalu sebagai industri bersama, justeru terdapat banyak kerja keras dan lebih 50 mesyuarat tetapi kita akan mencapainya," tambahnya.

Mengulas mengenai pengumuman Ketua Pegawai Kewangan syarikat itu baru-baru ini yang akan bercuti sementara, Syed Feizal berkata, ia adalah berkenaan perkara tadbir urus.

"Ini adalah urusan tadbir urus dan tiada kaitan dengan kewangan," katanya tanpa mengulas lanjut.

Pada 3 November 2023, MSM mengumumkan bahawa Dr Mazatul 'Aini Shahar Abdul Malek Shahar sedang bercuti sementara dari 20 Oktober hingga 15 Disember untuk memudahkan siasatan dalaman yang sedang dijalankan.

***

HEADLINE	MSM cadang eksport Gula Super ke negara jiran
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	06 December 2023, 4:04pm
BY	Asila Jalil
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2023/12/1185928/msm-cadang-eksport-gula-super-ke-negara-jiran